

1. **Baca petikan karangan dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.**

Di Negara Brunei Darussalam, terdapat pelbagai jenis alat muzik traditional. Salah satu alat muzik tersebut dipanggil rebana. Alat ini sangat popular dimainkan terutama dalam majlis-majlis keramaian.

Membuat rebana bukanlah mudah kerana memerlukan kebolehan dan kerajinan. Alat-alat yang digunakan untuk membuat rebana ialah pelarikan, pahat, tukul, pisau raut, gergaji, kertas pasir, bernis, paku dan parang. Kerja yang mula-mula dilakukan adalah memotong kayu. Jenis kayu yang digunakan hendaklah keras tetapi mudah ditarah dan tidak retak. Kayu yang sudah dipotongkan dibentuk menjadi rebana, kemudian permukaannya dihalusi dan dibernis.

Kulit kambing merupakan kulit yang paling sesuai untuk membuat permukaan rebana. Kulit kambing tersebut akan dibersihkan dan dikeringkan dan seterusnya dilekatkan pada kayu rebana dengan menggunakan paku yang sesuai.

Biasanya rebana digunakan oleh kumpulan hadrah yang terdiri daripada dua puluh hingga tiga puluh orang ahli. Mereka akan memukul rebana mengikut kumpulan menggunakan rentak pukulan satu, pukulan dua, pukulan tiga dan seterusnya. Di samping itu, mereka juga akan menyanyikan lagu. Nyanyian tersebut bergantung pada majlis yang diadakan. Contohnya, dalam majlis perkahwinan lagu-lagu yang sering dibawakan adalah seperti lagu Bismillah, Selamat Pengatin Baru dan sebagainya. Selain majlis perkahwinan, rebana juga digunakan oleh kumpulan hadrah dalam majlis-majlis seperti Hari Keputeraan Sultan, Hari Kebangsaan, hari-hari keramaian, acara-acara rasmi dan lain-lain.

Kesimpulannya, rebana merupakan alat yang penting bagi memeriahkan sesuatu majlis di negara ini. Jika alat ini tidak diperkenalkan dalam kalangan generasi baharu, dikhuatiri alat ini tidak dikenali oleh mereka. Kita berharap agar alat ini terus mendapat tempat dalam apa jua majlis di negara kita.

Sumber:
Diubahsuaikan daripada Bahasa Melayu
Buku 4, Edisi Kedua

Jawab soalan-soalan Soalan berikut dalam bentuk ayat yang lengkap.

a. Apakah itu rebana?

b. Tuliskan empat sahaja antara alat-alat yang digunakan untuk membuat rebana.

c. Sila nyatakan jenis kayu yang digunakan untuk membuat rebana.

d. Apakah kulit yang paling sesuai untuk membuat rebana?

e. Siapakah biasanya menggunakan rebana?

f. Berdasarkan keterangan dalam perenggan 4, nyatakan keramaian ahli dalam setiap kumpulan hadrah.

BAHASA MELAYU KERTAS 2

g. Jelaskan cara kumpulan hadrah memukul rebana?

h. Apakah nama-nama lagu yang sering dibawakan oleh kumpulan hadrah dalam majlis perkahwinan?

i. Selain majlis perkahwinan, nyatakan majlis lain yang juga menggunakan rebana

j. Berikan satu sahaja pendapat kamu mengenai cara untuk mengekalkan alat muzik tradisional negara kita.

(20 markah)

BAHASA MELAYU